

Panel ditubuh teliti keperluan vaksinasi negara bagi Covid-19

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

SATU jawatankuasa pakar telah ditubuhkan untuk meneliti keperluan vaksinasi negara bagi Covid-19 dan memberi usulan kepada pemerintah mengenai pendekatan yang perlu diambil berkenaan perkara itu.

Ini termasuk mencadangkan jenis vaksin yang paling sesuai bagi lapisan penduduk yang berbeza-beza, kata Menteri Kesihatan Gan Kim Yong, yang turut berkata Singapura sedang berusaha mendapatkan beberapa vaksin Covid-19 dan tidak akan bergantung pada satu sumber sahaja.

“Jawatankuasa pakar ini akan meneliti data dari ujian vaksin di klinik dan mencadangkan pendekatan pemvaksinan bagi lapisan penduduk berbeza dalam masyarakat kita,” kata Encik Gan, yang juga pengerusi bersama jawatankuasa berbilang agensi bagi Covid-19 di sidang media maya semalam.

Menurut Encik Gan, Jawatankuasa

Pakar bagi Vaksinasi Covid-19 itu ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan (MOH) bulan lalu dan ia dianggotai pakar daripada bidang penyakit berjangkit, keimunan dan bidang relevan yang lain.

Antara lain, Singapura perlu memastikan vaksin yang diperolehi berkesan dan selamat digunakan bagi setiap lapisan penduduk.

Memberi contoh, Encik Gan berkata ada vaksin yang lebih berkesan bagi orang yang berusia dan ada pula yang kurang berkesan bagi kanak-kanak.

Ada juga vaksin yang tidak sesuai bagi warga berusia yang mempunyai penyakit lain, kata Encik Gan, yang berkata pihaknya akan memberikan butiran mengenai jawatankuasa ini, termasuk anggotanya, tidak lama lagi.

Tambah beliau, pemerintah juga perlu memutuskan kumpulan yang perlu di-

S’pura mungkin ada vaksin Covid-19 seawal tahun depan – Muka 2

utamakan apabila vaksin diperolehi kerana pemvaksinan satu negara secara serentak tidak boleh dilakukan.

Menurut beliau, keutamaan mungkin diberikan kepada pekerja barisan depan seperti pekerja jagaan kesihatan dan warga tua yang lebih berisiko mengalami penyakit teruk jika dijangkiti Covid-19.

Berkongsi lebih lanjut mengenai strategi holistik Singapura mengenai vaksinasi, pengarah perkhidmatan perubatan MOH, Profesor Madya Kenneth Mak, berkata Singapura sedang berusaha memastikan beberapa jenis vaksin boleh diperolehi daripada pelbagai sumber, termasuk daripada syarikat farmaseutikal, program antarabangsa seperti Friends of Covax yang menyokong perkongsian vaksin berbilang negara dan juga menyokong usaha setempat untuk membangun vaksin.

Semalam, *The Straits Times* melapor-

kan saintis Duke-NUS, dengan kerjasama syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat Arcturus Therapeutics, telah menghasilkan vaksin yang mungkin boleh digunakan seawal suku pertama 2021.

Dalam pada itu, MOH dalam kenyataan, berkata semua pelawat ke Singapura – kecuali warga dan penduduk tetap serta pelawat dari negara yang dianggap menanggung risiko jangkitan lebih rendah – dimestikan mengambil ujian swab reaksi rangkaian *polimerase* (PCR) 72 jam sebelum berangkat ke Singapura, bermula 11.59 malam pada 17 November ini.

Pelawat ini juga harus mematuhi notis jangan keluar rumah (SHN) setibanya di Singapura dan menjalani ujian Covid-19 lagi di akhir tempoh SHN mereka.

Pelawat dari Brunei, New Zealand, Vietnam, Australia, China, Malaysia (kecuali Sabah), Macau, Taiwan dan Hong Kong, yang dianggap negara risiko jangkitan rendah, dikecualikan daripada syarat baru yang bertujuan mengurangkan risiko mengimport Covid-19 dari luar negara ke sini.

S'pura mungkin ada vaksin Covid-19 seawal tahun depan

SINGAPURA mungkin mendapat vaksin Covid-19 seawal tahun depan setelah kiriman pertama vaksin yang dibangunkan bersama oleh penyelidik Singapura itu dijangka tiba pada suku pertama.

Arcturus Therapeutics, sebuah syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat, sedang bekerjasama dengan saintis Duke-Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk menghasilkan vaksin tersebut.

Ia telah mengumumkan hasil positif ujian klinikal peringkat awal yang sedang diadakan di Singapura.

Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) Singapura melabur sekitar AS\$45 juta (\$60.5 juta) bagi pembuatan vaksin itu, kata Arcturus, dalam kenyataannya.

EDB akan mempunyai hak membeli vaksin itu hingga bernilai \$175 juta pada harga yang telah dirundingkan, dengan pengiriman dijangka bermula pada suku pertama 2021, kata Arcturus.

Profesor Ooi Eng Eoong dari Sekolah Perubatan Duke-NUS, yang bersama-sama membangunkan vaksin itu dengan Arcturus, berkata hasil sejauh ini menunjukkan vaksin

tersebut berkesan dengan hanya satu dos.

“Ini membezakan vaksin penyelidikan ini daripada banyak vaksin Covid-19 lain yang sedang dibangunkan.

“Vaksin ini berpotensi memberi manfaat kesihatan awam yang penting dengan memudahkan pemberiannya yang luas kepada pesakit di pelbagai penduduk di seluruh dunia,” kata Profesor Ooi, yang juga anggota Lembaga Penasihat Ilmiah platform Vaksin Arcturus.

Sementara itu, sembilan kes baru Covid-19 dilaporkan di Singapura hingga 12 tengah hari semalam, menjadikan jangkitan koronavirus itu di sini berjumlah 58,073.

Satu daripadanya kes dalam masyarakat dan satu lagi kes dari dormitori pekerja asing, menurut Kementerian Kesihatan (MOH) semalam.

Baki tujuh ialah kes import yang dikenakan Notis Jangan Keluar rumah (SHN) setiba mereka di sini.

**Vaksin uji kaji Pfizer
dikatakan lebih 90%
berkesan cegah Covid-19**

Muka 7